

Permintaan minyak sawit global diunjur meningkat

➔ Peningkatan 40 peratus kepada kira-kira 78 juta tan menjelang tahun 2020

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

■ Kuala Lumpur

Permintaan minyak sawit global diunjur berkembang sebanyak 40 peratus kepada kira-kira 78 juta tan menjelang tahun 2020, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

"Saya yakin komoditi itu akan kekal sebagai produk penting dalam pasaran minyak dan lemak global bagi menampung peningkatan keperluan penduduk dunia," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Kebangsaan Pengilangan Sawit, Penapisan, Alam Sekitar dan Kualiti 2016 (POM-REQ 2016) di sini baru-baru ini.

Ucapan Mah dibacakan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur.

Mah berkata, industri sawit adalah antara tulang ekonomi negara dan sumber pendapatan eksport utama serta penyedia peluang pekerjaan terbesar di Malaysia.

"Industri ini disasarkan sebagai antara teras pemacu ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam usaha membentuk Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Pelaksanaan lapan projek permulaan (EPP) di bawah NKEA Sawit dan Getah akan memastikan sumbangan industri sawit kepada Pendapatan Negara Kasar mencapai

RM178 bilion menjelang 2020," katanya.

Mah berkata, sektor pengilang minyak sawit adalah satu segmen penting dalam rantaian pengeluaran komoditi itu dan kadar perahan minyak (OER) menjadi kayu pengukur dalam menyukat keberkesanan pemprosesan buah tandan segar (BTS).

"Adalah penting untuk pengilang minyak sawit berpendirian tegas dalam mengawal kualiti BTS, terutamanya dalam memastikan tiada BTS yang lewat diproses.

Penggunaan teknologi baharu

"Penggunaan teknologi baharu seperti proses pengsterilan berterusan dapat membantu pengilang meningkatkan kadar OER masing-masing. Di bawah NKEA, sasarannya adalah meningkatkan OER daripada 20 peratus sekarang kepada 23 peratus menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata, sektor pengilangan sawit juga mempunyai peranan pen-

ting dalam menjaga alam sekitar melalui penggunaan biojisim dan biogas. Sehingga kini terdapat 90 loji biogas beroperasi; enam dalam pembinaan dan 145 di pelbagai peringkat perancangan.

"Statistik ini menunjukkan kadar kejayaan pelaksanaan projek biogas pada tahap 20 peratus di Malaysia dan 17 daripadanya bersambung kepada grid nasional.

"Bagi meningkatkan lagi kadar kejayaan pelaksanaan, kerajaan melakar dan mengenal pasti kilang sawit di Semenanjung yang berpotensi untuk sambungan grid serta penggunaan lain," katanya.

Mah berkata, dalam jangka panjang, pengilangan sawit perlu menukar imej mereka dengan mengurangkan sisa dan bahan buangan kepada satu industri yang bertanggungjawab dengan sisa buangan di tahap sifar di samping menggalakkan teknologi hijau.

"Untuk mencapai hasrat ini, tindakan mesti diambil untuk mengurusi sisa dan segala bahan buangan industri dengan sebaik mungkin. Proses mengilang dan menapis minyak sawit juga perlulah efisien untuk memastikan kadar perahan maksimum dan kehilangan minyak di tahap minimum," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, industri sawit negara mesti terus memperkenalkan dan menggunakan inovasi baharu yang mampu meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mengurangkan kos sebagai usaha memastikan industri sawit terus kompetitif.

"MPOB berjaya menghasilkan pelbagai inovasi untuk membantu industri sawit. Kejayaan MPOB di bidang ini dapat dilihat melalui jumlah teknologi yang dilancarkan.

"Sehingga kini, MPOB menghasilkan 608 teknologi dan 165 perkhidmatan berkaitan industri sawit di mana 30 peratus berjaya dikomersialkan," katanya.



Industri ini disasarkan sebagai antara teras pemacu ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam usaha membentuk Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi"

Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi